

31/10/1997

G-15 perlu utamakan krisis mata wang

SEBAGAI kumpulan kerjasama yang merentasi sempadan benua dengan anggotanya ialah negara membangun, memang sepatutnya Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) menjadikan isu manipulasi pasaran mata wang yang membawa kepada kejatuhan bursa saham seluruh dunia Isnin lalu, sebagai topik utama perbincangan ketua-ketua negara di Kuala Lumpur, mulai Isnin ini. Malah sebarang keputusan daripada perbincangan isu itu, yang kesannya lebih membebankan negara membangun berbanding negara maju, seharusnya dimasukkan ke dalam pengisytiharan bersama sidang kemuncak G-15 kali ini. Perlunya G-15 memberi perhatian kepada soal ini bukanlah kerana Malaysia, sebagai tuan rumah adalah negara yang turut menjadi mangsa manipulasi mata wang, tetapi lebih daripada itu kerana sejarah penubuhan G-15 sendiri adalah bagi menangani masalah yang menghimpit seperti ini.

Berbeza dengan Pertubuhan Berkecuali (NAM) yang lebih bersifat politik dan Komanwel yang masih dilihat sebagai kelab negara bekas tanah jajahan British, G-15 ditubuhkan oleh Sidang Kemuncak NAM di Belgrade hampir 10 tahun lalu bertujuan merapatkan hubungan Selatan-Selatan khususnya dalam menghadapi penindasan yang berterusan oleh negara Utara. Walaupun perhatian yang diberikan oleh media antarabangsa terhadap sidang kemuncak G-15 tidak sehebat liputan kepada NAM, CHOGM atau Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tujuh sidang kemuncak G-15 sebelum ini sudah banyak memberikan hasil, bukan saja kepada negara anggota, malah negara Selatan secara keseluruhan.

Hubungan perdagangan dua hala antara negara anggota terutama antara Asia, Afrika dan Amerika Latin meningkat berkali ganda, manakala separuh daripada projek yang dikendalikan oleh negara anggota sudah mula menunjukkan kesannya. Jika di sidang kemuncak G-15 di Buenos Aires dua tahun lalu, ketua-ketua negara sepakat mencari jalan menghadapi kenaikan nilai yen, pendirian yang diambil di persidangan serupa di Harare tahun lalu berjaya memaksa mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia di Singapura mengubah keputusannya berhubung klausa sosial. Begitupun, perjuangan G-15 dalam menangani cabaran abad ke-21 dan menghadapi kesan globalisasi perdagangan masih jauh dengan pelbagai ranjau dan onak yang terpaksa diharungi.

Kejatuhan pasaran saham dunia baru-baru ini adalah satu daripada kesan globalisasi perdagangan. Begitu juga dengan serangan manipulator mata wang terhadap beberapa negara Asia Tenggara sejak dua bulan lalu. Walaupun globalisasi dan liberalisasi perdagangan lebih menguntungkan negara maju, negara membangun tidak mempunyai pilihan lain kecuali turut menyertainya. Lantaran itu, satu-satunya cara paling berkesan bagi negara membangun dalam menghadapi sebarang kesan buruk daripada kedua-dua proses itu ialah bekerjasama sesama mereka bukan saja dari segi pendirian, malah tindakan. Pendirian dan tindakan yang seragam menjadi lebih penting dalam isu mata wang ini kerana negara membangunlah yang paling teruk menerima kesannya. Dengan menjadikan isu ini sebagai agenda utama, G-15 boleh berkongsi pengalaman. Mexico, salah sebuah negara anggota, hampir muflis pada 1982 kerana krisis mata wang, manakala dua anggota dari Asia - Malaysia dan Indonesia - masih belum kerana daripada krisis yang sama. Sama seperti kejatuhan pasaran saham, serangan spekulator juga merentasi benua dan selepas ini mungkin negara Amerika Latin atau Afrika Utara yang akan menjadi mangsa.

Yang pasti, Malaysia sebagai negara tuan rumah akan mencadangkan

pembentukan pasaran khusus bagi urusan mata wang bagi mengatasi kegiatan spekulasi dan manipulasi. Walaupun cadangan itu pernah disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di mesyuarat Majlis Perundingan Ekonomi Pasifik (PECC) dan sidang kemuncak Ketua-Ketua Negara Komanwel baru-baru ini, keputusan di peringkat G-15 adalah lebih penting kerana kedudukan pertubuhan itu sebagai wakil negara membangun.

Justeru, walaupun ada isu lain yang harus ditangani seperti soal membasmi kemiskinan dan mengatasi masalah hutang negara miskin, G-15 kali ini harus memberi keutamaan kepada soal krisis mata wang. Kita menganggap soal ini perlu diutamakan kerana semua program memperkukuhkan ekonomi, perdagangan dan sosial di kalangan negara anggota G-15 sebelum ini tidak akan memberi sebarang makna jika mata wang negara anggota kehilangan nilainya di pasaran antarabangsa.

(END)